

22 SEP 2003

SAMY-ALGERIA/I

KONSORTIUM MALAYSIA MASUK TENDER BAGI PROJEK DI ALGERIA

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Ranhill Jawala Consortium akan mengemukakan bida bagi projek pembinaan lebuhraya sepanjang 1,216km di Algeria.

Bida itu, yang akan dikemukakan kepada kerajaan Algeria, merupakan susulan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara kerajaan Algeria dan konsortium itu bulan lalu.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, konsortium itu sedang menjalankan kajian mengenai cadangan projek yang menelan kos AS\$3.2 bilion itu, dan akan mengemukakan bida rasmi bagi projek itu dalam sekitar April.

"Ini adalah susulan kepada MoU yang ditandatangani semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Algeria bulan lalu, dan bida itu merangkumi pembinaan terowong, kawasan rehat dan stesen minyak di sepanjang lebuh raya itu," katanya.

Samy Vellu berkata demikian selepas jamuan makan tengah hari bersama rakan sejawatannya dari Algeria, Amar Ghoul, yang sedang dalam lawatan selama empat hari ke Malaysia, bermula semalam.

Ranwill Sdn Bhd adalah sebuah firma Malaysia manakala Jawala adalah syarikat Algeria yang terbabit dalam pembinaan prasarana.

Lebuh raya yang dicadangkan itu akan dikenali sebagai Lebuh Raya Timur-Barat Algeria.

Samy Vellu berkata, itu bukanlah satu-satunya projek yang menarik minat firma-firma Malaysia kerana ada juga kerja-kerja pembinaan pelabuhan dan lapangan terbang.

Katanya, setakat ini, firma pembinaan Malaysia telah mengembangkan sayap ke 10 negara dan jika Algeria bersetuju dengan cadangan Ranhill, ia akan menjadi negara ke-11.

Firma-firma Malaysia itu telah berjaya mendapatkan projek-projek bernilai lebih RM9 bilion di kesemua 10 negara itu.

Ditanya tentang bida syarikat-syarikat Malaysia itu, Amar Ghoul berkata, Algeria percaya kepada firma-firma Malaysia berdasarkan rekod pencapaian mereka.

"Kita sedang mencari sebuah konsortium antarabangsa untuk membina lebuh raya ini," katanya. -- BERNAMA

SR RV TJK KY AHM